

# Penduduk Kg Tudan berpeluang jadi usahawan inovasi

UB 28.8.2018

A9

**TUARAN:** Penduduk Kampung Tudan Kiulu berpeluang menjadi usahawan berinovasi dalam produk berasaskan mulberi dengan kewujudan kilang mini pertama di Sabah.

Kilang Mini Kampung Tudan merupakan hasil kerjasama antara para penyelidik Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan komuniti Kampung Tudan dengan disokong serta dibantu Yayasan Inovasi Malaysia (YIM).

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

UMS Prof Dr Shahril Yusof berkata, seramai 150 penduduk Kg Tudan yang juga ahli Koperasi Kampung Tudan Berhad, terlibat dalam projek menghasilkan lebih 10 jenis produk berasaskan mulberi seperti teh, jem dan mulberi kering.

Projek yang mendapat geran sebanyak RM320,000 menerusi YIM berkenaan dibangunkan bagi membantu penduduk kampung itu bergiat aktif dalam aktiviti keusahawanan berasaskan alam sekitar terutamanya eko pelancongan.



**SHAHRIL (kiri) dan Suhaimi (kanan) sedang melihat salah satu produk yang dihasilkan berasaskan mulberi.**



Beliau menyatakan demikian ketika berucap sempena Majlis Penyerahan Kilang Mini Kampung Tudan di sini.

Majlis itu disempurnakan Setiausaha Bahagian Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan iklim Suhaimi Hamzah.

Hadir sama ialah Naib Presiden Kanan YIM Sharmila Mohamed Salleh dan Adun Kiulu Datuk Joniston Bangkuai.

**SUHAIMI (enam dari kiri) mengambil gambar kenangan bersama para penyelidik UMS dan tetamu jemputan di hadapan kilang mini mulberi.**